



Pembabitan dalam pelbagai aktiviti merai sambutan Hari Kebangsaan dapat menggalakkan penghayatan terhadap nikmat kemerdekaan.

Aktiviti rai Hari Kebangsaan tingkat semangat patriotisme

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pembabitan dalam pelbagai aktiviti merai sambutan Hari Kebangsaan dapat menggalakkan penghayatan terhadap nikmat kemerdekaan, sekali gus mempertingkat semangat muda pada tanah air.

Penganalisis sejarah, Prof Datuk Dr Zainal Kling, berkata justeru generasi muda perlu menyertai pelbagai kegiatan seumpama itu bagi menyemarakkan kecintaan mereka pada tanah air.

Beliau berkata, bahanan mereka ada pelbagai pilihan program boleh disertai mengikut minat masing-masing berikutnya banyak inisiatif dilaksana pelbagai pihak untuk memeriahkan sambutan penting itu.

Pengisian kemerdekaan
Antara lain, pertandingan menggubah lagu berunsur patriotik, program berbentuk aktiviti sukan dan riadah seperti larian serta berbasikal, perarakan dan kebudayaan.

"Kebersamaan generasi muda dalam program yang mereka raih merupakan semangat kebangsaan adalah bagus supaya mereka dapat merasai sendiri pengisian kemerdekaan sejak 60 tahun lalu," katanya ketika dihubungi.

Seterusnya Prof Zainal yang juga bekas Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiosbudaya, Majlis Profesor Negara (MPN), menyaran kan supaya pengisian sambutan kemerdekaan melalui dunia siber seperti media sosial turut diper tingkat seiring kecenderungan golongan muda kini.

Kes terpencil

Sebagai contoh, katanya, menghasilkan video menarik dengan mesej berkesan mengenai kemerdekaan yang boleh ditonton menerusi laman YouTube.

"Usaha sebegini lebih dekat dengan jiw� anak muda sekarang. Walapun berbeza dengan pendekatan biasa, ia mampu mendidik generasi pelapis untuk menghayati semangat kemerdekaan," katanya.

Sementara itu pakar sejarah dari Universiti

Malaya (UM), Prof Emeritus Datuk Dr Abdullah Zakaria Ghazali, berkata generasi pelapis kini juga memiliki semangat patriotik yang utuh, cuma ditunjukkan melalui cara berbeza dengan anak muda zaman 1950-an.

Beliau berkata, mereka sudah diterapkan ilmu pengetahuan mengenai sejarah tanah air melalui pembelajaran di sekolah, sekali gus memahami kegiatan perjuangan mencapai kemerdekaan negara.

"Jati diri dan semangat patriotik tetap tersemat dalam jiwa golongan muda kini, cuma tidak begitu ditonjolkan kerana ada perkara lain yang lebih mendesak seperti survival mereka berikutan keadaan ekonomi tidak menentu.

"Golongan terabit dengan perkara boleh menghancurkan negara hanya segelintir dan kes terpencil, namun bak kata pepatah 'kerana nilai setitik, rosak susu sebelangan'."

"Oleh itu, pelbagai pihak terutama kerajaan dan media, perlu terus menyuntik semangat patriotik dalam kalangan generasi muda," katanya.



Warga kampus tidak ketinggalan mengadakan program tersendiri untuk menyemarakkan semangat patriotik.



Prof Emeritus Datuk Dr Abdullah Zakaria Ghazali